

## WAWASAN DAN OBJKTIF PEMBANGUNAN DAERAH SEREMBAN


### □ Wawasan Pembangunan Daerah Seremban, 2015

Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Seremban ini, merupakan kerangka bagi memandu arah pembangunan Daerah Seremban bagi tempoh 5 – 10 tahun akan datang iaitu sehingga Tahun 2015.

Pembentukan wawasan, objektif dan strategi pembangunan Daerah Seremban 2015, adalah ke arah mewujudkan sebuah perbandaran yang mementingkan kualiti dan persekitaran hidup yang terbaik termasuk, persekitaran pembelajaran, pekerjaan dan riadah yang selamat, selesa dan lengkap selaras dengan citarasa dan kehendak masyarakat dan alam sekitar.

### □ Objektif Pembangunan Daerah Seremban

- 1** Memperkuuhkan Daerah Seremban sebagai sebahagian dari **Konurbasi Kuala Lumpur**
- 2** Mempertingkatkan fungsi **Bandar Seremban** sebagai **Pusat Wilayah dan Pentadbiran Negeri** serta **sebuah Bandaraya Menjelang Tahun 2010**
- 3** Membangunkan **Bandar Nilai** sebagai **Hub Pendidikan, Pusat Penyelidikan dan Industri Bioteknologi** yang bestari
- 4** Membangunkan **Rantau** sebagai **Pusat Pertumbuhan Baru**
- 5** Memastikan **petempatan – petempatan utama mengikut hierarki** menyokong pembangunan daerah keseluruhannya
- 6** Meningkatkan imej Daerah Seremban sebagai **kawasan pelancongan budaya**
- 7** Meningkatkan **tahap aksesibiliti dan kemudahsampaian** melalui penyediaan **sistem perhubungan dan pengangkutan awam** yang komprehensif dan lebih efisen
- 8** Memajukan **aktiviti asas tani** sebagai penyokong kepada **pertumbuhan ekonomi**
- 9** Memastikan **Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)** tidak terjejas oleh pembangunan
- 10** Merancang pembangunan daerah ke arah **pembangunan mampan**
- 11** Memastikan masyarakat dapat menikmati **persekitaran hidup yang sejahtera, berkualiti dan beridentiti**




## TERAS, FOKUS DAN STRATEGI PEMBANGUNAN DAERAH SEREMBAN

### □ Teras Pembangunan Daerah Seremban, 2015

- 1** Pembangunan Perbandaran Dalam Konurbasi Negara
- 2** Perancangan Guna Tanah Yang Optima dan Mampan
- 3** Pemeliharaan Sumberjaya dan Alam Sekitar
- 4** Penyediaan Perhubungan Yang Bersepadu
- 5** Peningkatan Kualiti Hidup

Kelima-lima Teras Perancangan ini merupakan intipati utama yang saling melengkapi di dalam usaha untuk membawa Daerah Seremban sebagai sebuah Daerah Metropolitan, sebuah bandar bertaraf Bandaraya dan pelengkap kepada pembangunan Konurbasi Kuala Lumpur. Ia memberi penekanan kepada 3 elemen asas dalam perancangan ke arah pembangunan mampan, iaitu :-



### □ Fokus Dan Strategi Utama Pembangunan Daerah Seremban, 2015

- |   |  |   |
|---|--|---|
| <b>TERAS 1</b><br><i>Ke arah PEMBANGUNAN PERBANDARAN DALAM KONURBASI NEGARA</i> | Memfokuskan kepada nodus pertumbuhan strategik bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang bernilai tambah secara bersepadu dan berfungsi sebagai paksi pertumbuhan bagi Daerah Seremban khususnya dan dalam Konurbasi Negara umumnya   |  |
| <b>TERAS 2</b><br><i>Ke arah PEMBANGUNAN GUNA TANAH YANG OPTIMA DAN MAMPAN</i>  | Memfokuskan kepada zon keutamaan pembangunan yang telah ditetapkan melalui pelaksanaan pembangunan yang telah terpilih, pembangunan komited, pembangunan 'infill', 're-development', 're-zoning' ataupun 're-locate'.  |  |
| <b>TERAS 3</b><br><i>Ke arah PEMELIHARAAN SUMBERJAYA DAN ALAM SEKITAR</i>       | Memfokuskan kepada kawasan yang telah di rizab dan diwartakan sebagai kawasan pemeliharaan, kawasan tanah tinggi dan berkecerunan melebihi 30 darjah, kawasan nilai sejarah, kawasan badan air dan kawasan tanaman makanan yang memberi kepentingan kepada alam sekitar                |  |
| <b>TERAS 5</b><br><i>Ke arah PENYEDIAAN SISTEM PERHUBUNGAN YANG BERSEPADU</i>   | Memfokuskan kepada sistem perhubungan utama yang menghubungkan Daerah Seremban dengan kawasan sekitarnya terutamanya dalam Konurbasi Negara dan kawasan dalam antara kawasan bandar dengan bandar yang lain sama ada melalui perhubungan lebuh raya, jalan raya maupun perhubungan rel |  |
| <b>TERAS 5</b><br><i>Ke arah PENINGKATAN KUALITI HIDUP</i>                      | Memfokuskan kepada penyediaan prasarana bandar dan luar bandar yang lebih ekonomik dan selesa serta mewujudkan persekitaran hidup, kerja dan riadah yang lebih berkualiti, selamat, sejahtera dan beridentiti  |   |